



1. Rajah 1 ialah sebuah piring putar yang dibahagi kepada empat sektor yang sama, P, Q, R dan S. Penunjuk itu diputar dua kali. Selepas setiap putaran, sektor di mana penunjuk berhenti akan dicatatkan. (Anggap penunjuk akan berhenti pada mana-mana satu sektor secara adil).
- (a) Lengkapkan kesudahan peristiwa yang mungkin di Rajah 2.
- (b) Menggunakan senarai lengkap kesudahan di (a), cari kebarangkalian penunjuk berhenti
- dua kali pada sektor yang sama,
 - sekurang-kurangnya sekali pada sektor R.



Rajah 1



Rajah 2

2. Sebuah kotak mengandungi lima biji bola berlabel dengan huruf A, B, C, D dan E. Sebiji bola dipilih secara rawak daripada kotak itu dan hurufnya dicatat. Tanpa bola pertama dikembalikan, sebiji lagi bola dipilih secara rawak daripada kotak itu dan hurufnya juga dicatat.
- (a) Lengkapkan ruang sampel berikut.
- {(A, B), (A, C), (A, D), (A, E), (B, A), (B, C), (B, D), (B, E), (C, A), (C, B), (,), (,), (,), (,), (,), (,), (,), (,), (,)}
- (b) Dengan menyenaraikan semua kesudahan peristiwa yang mungkin, cari kebarangkalian bahawa
- kad pertama yang dipilih adalah berlabel dengan huruf vokal,
 - kad pertama yang dipilih adalah berlabel dengan satu huruf konsonan dan kad kedua yang dipilih adalah berlabel dengan satu huruf vokal.

3. Satu dadu yang adil dilambung, kemudian sebiji bola dipilih secara rawak dari sebuah beg yang mengandungi sebiji bola kuning, sebiji bola jingga dan sebiji bola ungu.
- (a) Dengan menggunakan huruf K untuk mewakili bola kuning, huruf J untuk mewakili bola jingga dan huruf U untuk mewakili bola ungu, lengkapkan ruang sampel berikut.


Kuning (K)	(1, K)	(,)	(3, K)	(,)	(5, K)	(,)
Jingga (J)	(,)	(2, J)	(,)	(4, J)	(,)	(6, J)
Ungu (U)	(1, U)	(,)	(3, U)	(,)	(5, U)	(,)

- (b) Dengan menyenaraikan semua kesudahan yang mungkin bagi peristiwa itu, hitung kebarangkalian bahawa
- satu nombor kurang daripada enam dan satu bola jingga dipilih,
 - satu nombor lebih daripada tiga atau satu bola ungu dipilih.

4. Rajah menunjukkan sebuah dadu adil dan satu cakera putar dengan tiga sektor yang sama besar dan satu penunjuk tetap. Setiap sektor masing-masing dilabel dengan huruf A, B dan C. Ally membaling dadu itu sekali dan kemudian memutar cakera itu sekali.

Kesudahan putaran cakera			
	A	B	C
1	(1, A)	(1, B)	
2			(2, C)
3			(3, C)
4	(4, A)		
5		(5, B)	
6			(6, C)

Jadual



Rajah

- (a) Lengkapkan kesudahan peristiwa yang mungkin di dalam jadual.
- (b) Dengan menyenaraikan kesudahan yang mungkin bagi peristiwa itu, cari kebarangkalian bahawa
- penunjuk itu menunjukkan sektor B,
 - dadu menunjukkan nombor genap atau penunjuk itu menunjukkan sektor A.